



Seng Kok menerima sijil pengiktirafan daripada wakil MBR dengan disaksikan Elizabeth dan Mohamad Yasid

GM Klang diiktiraf terbesar

SHAH ALAM - Pusat Pemborong GM Klang diiktiraf sebagai pusat pemborong terbesar, di Malaysia oleh Malaysia Book of Record (MBR).

Majlis penyampalan anugerah berlangsung seiring Majlis Anugerah MPK Care-anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK), di Pusat Konvensyen Shah Alam, pada 15 Mac lalu.

Pengarah Urusan GM Klang, Datuk Lim Seng Kok berkata, pengiktirafan itu menjadi pemangkin kepada pihaknya untuk terus berusaha merealisasikan GM Klang sebagai pusat pemborong sehenti, di Asia Tenggara.

"Kami berbesar hati untuk pengiktirafan ini dan berterima kasih kepada MPK kerana sentiasa memberi sokongan penuh.

"Dengan wujudnya Stesen LRT 3 dalam masa tiga tahun lagi, kami mensasarkan lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara, sekali gus menjadikan GM Klang

sebagai pusat perhentian serantau," katanya.

Majlis turut dihadiri Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Teknologi Hijau, Elizabeth Wong dan Yang Dipertua MPK, Dato' Mohamad Yasid Bidin.

Seng Kok berkata, selain memberi reputasi baik kepada pihaknya, pencapaian itu juga mengharumkan Bandar Diraja itu.

Beliau berkata, setakat ini GM Klang mempunyai 2,500 unit kedai di tiga blok dan daripada jumlah tebatit, 1,800 dipenuhi kira-kira 700 peniaga.

"GM Klang bermula dengan hanya satu blok setingkat, pada 2009 menempatkan kira-kira 300 unit kedai sahaja, membuka blok kedua, pada November 2012.

"Penerimaan yang baik daripada pengunjung ini membantu kami membina blok ketiga dengan 12 tingkat, termasuk lima tingkat untuk kawasan letak kereta," katanya.